

09 MAR 2001

Perpaduan-Pas

PERTEMUAN UMNO-PAS PERLU DIPERLUAS SKOPNYA, KATA NASHARUDDIN

ALOR SETAR, 9 Mac (Bernama) -- Pertemuan Umno-Pas bagi membincangkan perpaduan Melayu yang meliputi topik perlembagaan negara perlu diperluaskan skopnya kepada banyak perkara di bawah perlembagaan termasuk soal kebebasan berkumpul secara aman.

Setiausaha Agung Pas, Nasharuddin Md Isa berkata Pas pada dasarnya bersetuju dengan cadangan Umno untuk membincangkan kedudukan agama Islam, Bahasa Melayu, kedudukan raja-raja Melayu dan hak serta keistimewaan orang Melayu yang termaktub dalam perlembagaan persekutuan.

Bagaimanapun Pas mahu skop perbincangan di bawah topik perlembagaan itu diperluaskan meliputi perkara-perkara lain termasuk kebebasan orang ramai berkumpul secara aman mengikut Fasal 10 perlembagaan itu, katanya kepada pemberita selepas berceramah di Kampung Titi Teras, Yan malam tadi.

Semalam Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan bahawa pertemun Umno-Pas adalah untuk membincangkan perkara yang membabitkan kepentingan Melayu seperti hak dan keistimewaan orang Melayu, kedudukan agama Islam, Bahasa Kebangsaan dan status raja-raja Melayu seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Perdana Menteri berkata perbincangan mengenai perkara itu perlu berikutan adanya usaha kumpulan tertentu untuk mencabar dan mempersoalkan hak-hak berkenaan.

Nasharuddin berkata Pas akan menunggu secara rasmi cadangan yang akan dikemukakan oleh Umno itu untuk dibincangkan pada peringkat jawatankuasa tertinggi Pas.

Pas mahukan segala urusan ke arah pertemuan itu dibuat secara hitam-putih, kata beliau.

Ketika ditanya mengenai cadangan diadakan pertemuan tidak formal antara pemimpin Umno dan Pas, Nasharuddin berkata ia boleh diadakan di perkarangan bangunan Parlimen pada 19 Mac.

(Sesi persidangan Dewan Rakyat yang akan datang dijadual bermula 19 Mac).

Nasharuddin yang juga Ketua Jawatankuasa Teknikal Pas berkata parti itu masih tetap dengan tiga pra-syarat iaitu mengembalikan royalti minyak kepada kerajaan Terengganu, membenarkan Harakah diterbitkan dua kali seminggu dan memansuhkan usaha untuk melarang penggunaan perkataan Islam pada nama pertubuhan termasuk parti politik, sebelum pertemuan secara formal itu diadakan.

Pas juga tetap dengan pendiriannya yang agenda pertemuan formal itu merangkumi soal kedudukan agama Islam, persekutuan, kehakiman dan ekonomi.

Nasharuddin berkata setelah pra-syarat dan agenda itu dipenuhi dan dipersetujui, barulah Pas akan menimbang untuk mengadakan pertemuan secara formal itu atau sebaliknya.

-- BERNAMA

JM MAN NMO